

BIL	SYARAT-SYARAT KELULUSAN LESEN ANJING
1	Semua anjing-anjing yang berumur 3 bulan dan lebih hendaklah dilesenkan.
2	Lesen ini akan tamat tempohnya pada 31 Disember pada tahun lesen itu dikeluarkan.
3	Bayaran lesen anjing adalah RM 10.00 bagi setiap seekor anjing
4	Lesen yang hilang tidak akan diganti. Pemunya hendaklah memohon lesen yang baru dan dikehendaki membayar sebanyak RM10.00 bagi setiap lesen/seekor anjing.
5	Lencara logam yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Kerian hendaklah sentiasa digantung dileher anjing pada setiap masa.
6	Semua anjing yang dilesenkan hendaklah disuntik bagi mencegah penyakit dengan ubat pencegah (Vaccination + PV) oleh pegawai Jabatan Haiwan atau mana-mana doktor veterina yang berdaftar.
7	Rumah anjing hendaklah sentiasa berkeadaan bersih daripada najis anjing.
8	Tuan punya anjing adalah bertanggungjawab untuk memastikan anjing mereka tidak menyalak yang tidak berhenti-henti, merayau di luar kawasan premis, mengigit atau mengganggu orang awam di tempat awam.
9	Anjing hendaklah sentiasa berikat dan memakai sarung mulut (muzzle) apabila dibawa keluar daripada tempat ianya biasa dipelihara / disimpan.
10	Anjing tidak boleh dipelihara di rumah pangsa atau bangunan yang melebihi 2 tingkat.
11	Hanya 2 ekor anjing sahaja dibenarkan dipelihara pada suatu masa (kecuali dikebun / tanah lapang)
12	Mana-mana anjing yang didapati lepas bebas di tempat awam, berpenyakit, dipelihara di tempat yang tidak menimbulkan kacau ganggu kepada orang lain atau anjing dipelihara di tempat yang tidak dibenarkan akan dirampas, ditangkap dan dihapuskan.
13	Tuan punya dikehendaki menyediakan dan mempamerkan papapn tanda " ADA ANJING DI SINI " di tempat yang mudah di lihat orang awam.
14	Tuan punya yang gagal mematuhi syarat-syarat di atas akan dikenakan kompaun tidak lebih daripada RM500.00 atau penjara tidak lebih daripada 6 bulan atau kedua-duanya sekali menurut Undang-Undung Kecil 12 di dalam Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Kerian) 2004 .
15	Mengemukakan salinan kad pengenalan dan gambar pemohon berukuran passport sebanyak atau sekeping.